

# KOMPETENSI GURU PELATIH DALAM PENULISAN RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN BAHASA ARAB

Noor Shamshinar Zakaria  
Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi  
Zakiah Hassan  
Julia Madzalan  
Haslina Hamzah

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

## ABSTRAK

*Kajian ini membincangkan tentang kompetensi guru pelatih dalam penulisan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bahasa Arab. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah analisis dokumen terhadap penulisan RPH yang dilakukan oleh guru pelatih. Aspek-aspek yang dibincangkan ialah, (a) aspek bahasa dan (b) aspek perancangan pengajaran yang merangkumi pengetahuan sedia ada murid, penentuan hasil pembelajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran, gabung jalin dan rentasan ilmu, kemahiran berfikir, penerapan nilai-nilai murni dan penyediaan bahan bantu mengajar. Hasil dapatan menunjukkan guru pelatih masih lemah dalam penulisan RPH bahasa Arab terutamanya dari aspek bahasa. Banyak kesilapan tatabahasa yang terdapat dalam penulisan RPH yang dilakukan. Terdapat juga beberapa kesalahan ejaan dan penggunaan istilah yang tidak tepat. Dari aspek perancangan pengajaran, guru pelatih masih belum menguasai perancangan yang rapi dan tersusun seperti tidak mempelbagaikan kaedah pengajaran, aktiviti-aktiviti yang kurang menarik dan merangsang minat murid, tidak menyediakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang kreatif, penulisan nilai-nilai murni yang tiada kaitan dengan tajuk pengajaran dan kurang menekankan kemahiran berfikir aras tinggi. Berdasarkan analisis penulisan RPH bahasa Arab ini diharapkan tidak akan timbul lagi masalah kelemahan guru pelatih dalam aspek penulisan RPH bahasa Arab sekaligus mengubah persepsi guru pelatih tentang kesukaran melaksanakan penulisan RPH. Justeru, RPH bahasa Arab ini akan menjadikan guru pelatih lebih kompeten, bertanggung jawab dan memainkan peranan yang penting sebagai perancang dan pelaksana proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di dalam bilik darjah.*

**Kata Kunci:** *Kompetensi, Rancangan Pengajaran Harian (RPH), Bahasa Arab*

## PENGENALAN

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan proses membolehkan seseorang individu iaitu pelajar memperoleh dan menggunakan ilmu pengetahuan, nilai-nilai murni dan kemahiran-kemahiran tertentu secara berterusan. Justeru, guru memainkan peranan penting dalam mendidik dan melahirkan pelajar yang berjaya serta generasi yang hebat pada masa akan datang.

Dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, guru diingatkan supaya mengambil kira faktor penggunaan teknik penyampaian pengajaran yang dapat menarik perhatian dan merangsang minat pelajar sama ada di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Guru perlu melakukan perancangan pengajaran yang sebaiknya agar hasil pembelajaran dapat dicapai dengan tepat.

## **LATAR BELAKANG**

Penulisan RPH dilihat sebagai salah satu kewajipan guru dalam menentukan keberkesanan pengajaran kerana guru terlebih dahulu telah memahami dan menilai semua aspek yang akan dilaksanakan ketika proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Penyediaan RPH yang rapi dan tersusun sudah pasti dapat membantu pelajar menerima dan memahami isi pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Guru pula sudah pasti mempunyai kompetensi yang tinggi dalam penulisan RPH.

Kompetensi guru diperlukan di dalam melaksanakan kurikulum dan lebih lagi diperlukan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kerana tanpa tahap kompetensi kemampuan guru untuk merealisasikan pengajaran dan pembelajaran sukar dicapai. Ini dijelaskan oleh Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi dan Husaina Banu (2015) yang menegaskan kejayaan ataupun kegagalan proses pengajaran pembelajaran di dalam kelas bergantung sepenuhnya kepada tahap kompetensi guru. Memandangkan kepentingan setiap guru memiliki tahap kompetensi, maka guru perlu mempunyai rasa tanggungjawab untuk melaksanakan semua aspek yang berkaitan dengan tugasnya bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang diinginkan.

Ahmad Mohd Salleh (2008) mendefinisikan RPH sebagai satu dokumen perancangan pengajaran yang mengandungi maklumat lengkap mengenai pelaksanaan sesuatu pengajaran yang akan dilaksanakan oleh guru. Penyediaan RPH dikatakan nadi utama yang menggerakkan seorang guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan berkesan. Selain itu, penyediaan RPH adalah untuk membantu guru dalam melaksanakan pengajaran bagi mencapai objektif yang ditetapkan, menjadi asas penilaian kualiti pengajaran pembelajaran dan merancang tindakan susulan untuk melaksanakan penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran. Ia merupakan garis panduan kepada guru bukan sahaja ketika mengajar malah sebelum dan selepas mengajar.

Penyediaan RPH mempunyai banyak kepentingan terhadap guru di antaranya RPH memberi idea yang jelas kepada guru tentang isi pelajaran yang perlu diajar sepanjang hari tersebut. Guru perlu menyediakan RPH bagi setiap subjek yang diajarnya walaupun subjek yang diajar adalah sama tetapi berbeza dari segi tahap pelajar. Hal ini kerana guru perlu menyediakan RPH yang sesuai dengan tahap pelajar seperti melakukan aktiviti pengajaran yang berbeza di antara satu kelas dengan kelas yang lain. Sebagai contoh, guru melakukan aktiviti menerang secara langsung kepada pelajar yang berada di tahap cemerlang dan melakukan aktiviti permainan bahasa kepada pelajar yang berada di tahap yang lemah bagi tujuan mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan. Penerimaan pelajar terhadap penyampaian guru berbeza di antara pelajar di tahap cemerlang dan pelajar di tahap yang lemah. Guru tidak boleh melakukan aktiviti yang sama kerana sudah pasti pelajar di tahap yang lemah tidak dapat menerima penerangan guru secara langsung. Mereka perlu diajar dengan cara bermain atau nyanyian supaya minda mereka dapat

memahami setiap butiran isi pelajaran yang disampaikan oleh guru kepada mereka dan menumpukan sepenuh perhatian kepada pembelajaran tersebut.

Keberkesanan pengajaran bahasa Arab sangat berkait rapat dengan penulisan RPH. Guru dapat mengetahui semua aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran di bilik darjah dan bagaimana guru menyesuaikan pengajaran mereka dengan pendekatan, kaedah, teknik dan strategi yang tepat. Mengikut Ismail Sini (1980), guru adalah pelaksana kepada pendekatan. Pendekatan tidak lahir begitu saja tanpa persediaan dan perancangan rapi oleh guru. Justeru, aspek pendekatan, teknik dan kaedah pengajaran guru bahasa Arab perlu disesuaikan dengan kehendak pelajar bagi membantu mereka memahami setiap isi pelajaran yang diajar serta menarik minat mereka terhadap pembelajaran bahasa Arab.

Oleh yang demikian, kajian ini akan memfokuskan kepada kepentingan penyediaan RPH dalam kalangan guru kerana penyediaan RPH sangat berkait rapat dengan semua aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran di bilik darjah dan bagaimana guru menyesuaikan pengajaran mereka dengan pendekatan, kaedah, teknik dan strategi yang tepat serta kemahiran-kemahiran pengajaran yang lain.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Mengenalpasti tahap kompetensi guru pelatih dalam penulisan Rancangan Pengajaran Harian bahasa Arab.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis dokumen terhadap penulisan RPH bahasa Arab yang dilakukan oleh guru pelatih. Aspek-aspek yang dibincangkan ialah (a) aspek bahasa dan (b) aspek perancangan pengajaran yang merangkumi pengetahuan sedia ada murid, penentuan hasil pembelajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran, gabungan jalinan dan rentasan ilmu, kemahiran berfikir, penerapan nilai-nilai murni dan penyediaan bahan bantu mengajar.

## **ANALISIS DAPATAN**

Dalam dapatan ini akan membincangkan dua 2 (aspek) iaitu (a) aspek bahasa dan (b) aspek perancangan pengajaran.

### **(a) Aspek Bahasa**

Hasil dapatan analisis memperlihatkan guru pelatih masih lemah dalam penulisan RPH bahasa Arab terutamanya dari aspek bahasa. Banyak kesilapan tatabahasa dan beberapa istilah yang tidak tepat yang terdapat dalam penulisan RPH yang mereka lakukan. Di antara kelemahan yang agak ketara ialah,

(i) **Kelemahan penulisan hasil pembelajaran**, seperti :

في آخر الحصّة، يتمكّن التلاميذ من:	
المستوى الأول	: نَطَقَ / يَنْطِقُ ه كلمات من أسماء الحيوانات بعد الاستماع إلى قراءة المعلم.
المستوى الثاني	: قَرَأَ / يَقْرَأُ ه كلمات من أسماء الحيوانات قراءة صحيحة.
المستوى الثالث	: كَتَبَ / يَكْتُبُ ه كلمات من أسماء الحيوانات كتابة واضحة.

(ii) **Kesalahan tata bahasa : pembinaan ayat, jumlah ismiyyah dan jumlah fi'liyyah :**

Mengenai pembinaan ayat, guru masih keliru dengan penggunaan kata kerja dan kata nama di dalam ayat ketika membina ayat berkaitan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh :

- يشير المعلمة الصور إلى التلاميذ.
- يطلب المعلم التلاميذ أن يقرأ الكلمات.
- يأمر المعلم التلاميذ أن يتقدم إلى الأمام.
- قد عرفوا التلاميذ الدرس السابق.
- يعطي المعلم القرطاس الصفر
- كتابة الحروف على السبورة.

(iii) **Kesilapan ejaan dan istilah, seperti :**

- يوم الثلاثاء/ يوم الاربعاء
- نتاج التعليم
- الملاحظة المعلم المساعد
- في أخر الحصّة، .....
- يستشير المعلم الصور إلى التلاميذ ..
- بلاقات الكلمات
- ٣٠ دقائق
- الأقلام المكتوبة
- ربط الدرس بالكيم الأخلاقية
- قد قراء
- الخطوة الثالث

(iv) **Kesalahan ayat secara keseluruhan, seperti :**

- يسأل المعلم التلاميذ عن هذه الأشياء.
- يتكلم المعلم الحروف ويعمر يكتب التلاميذ على السبورة فرد.
- يسأل المعلم التلاميذ ان اقول كلمة عرض في الصورة.
- يعطي المعلم مكافأة إلى فرقة بصحيح الاجابة.
- بوفق الاعلم بين الكلمات والصور.
- يطلب العلم من التلاميذ أن ينطقوا المعروضة ٣ مرات مع الصور.

(b) **Aspek Perancangan Pengajaran**

Dari aspek perancangan pengajaran, kebanyakan guru pelatih masih lagi kurang melakukan perancangan dan persediaan yang rapi dan tersusun ketika menulis RPH. Guru seakan-akan ambil mudah tentang tugas yang dipikul dan menulis RPH dengan sambil lewa. Semakan yang dilakukan terhadap tugas penulisan RPH menunjukkan pelbagai kekurangan dan kelemahan dalam penulisan RPH seperti :

- (a) tidak mempelbagaikan kaedah pengajaran,
- (b) aktiviti-aktiviti yang kurang menarik dan merangsang minat murid,
- (c) hasil pembelajaran tidak tercapai,
- (d) tidak menyediakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai dan kreatif,

- (e) penulisan nilai-nilai murni yang tiada kaitan dengan tajuk pengajaran dan
- (f) kurang menekankan kemahiran berfikir aras tinggi.

## **TAHAP KOMPETENSI GURU PELATIH DALAM PENULISAN RPH BAHASA ARAB**

Secara amnya, tahap kompetensi guru pelatih dalam penulisan RPH bahasa Arab adalah sederhana. Walaupun guru pelatih dilatih untuk bersikap professional sebagai seorang guru dan pendidik, namun masih terdapat sebilangan guru pelatih yang gagal memenuhi ciri-ciri guru yang baik. Mereka masih lagi tidak merasakan tentang kepentingan menulis RPH di mana sebilangan guru pelatih tidak mengambil peduli tentang kelemahan yang mereka ada. Mereka tidak cuba berusaha untuk mengatasi kelemahan tersebut malah mereka memberi pelbagai alasan menyatakan penulisan bahasa Arab adalah sangat susah.

Guru pelatih perlu berusaha untuk menambah dan meningkatkan lagi ilmu bahasa Arab dari semasa ke semasa. Dalam usaha untuk memantapkan dan menguasai kemahiran menulis bahasa Arab, guru pelatih perlu meneroka ilmu-ilmu asas bahasa Arab dan mengembangkan kecekapan, merancang dan menjalankan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya. Guru pelatih perlu sedar bahawa menulis RPH dengan sempurna sangat penting sebelum waktu pengajaran berlangsung di dalam bilik darjah.

Menurut Mohd Ali Hasan, Presiden Permuafakatan Ibu Bapa Nasional (MAPIN) dalam Utusan Online, (2004) bahawa guru-guru sekolah sekarang ini semakin hilang kreativiti dalam menarik minat pelajar. Walaupun zaman sudah berubah, malah teknologi maklumat juga sudah semakin maju, tetapi kita dapat lihat bahawa kebanyakan guru di negara kita masih di takuk lama. Mereka masih lagi bersikap seperti katak di bawah tempurung. Berdasarkan kenyataan ini, guru pelatih yang masih berada di dalam kursus perguruan perlu didorong supaya mengubah sikap dan minda mereka dengan melakukan persediaan-persediaan yang berkaitan dengan tanggungjawab sebagai seorang guru.

## **PERBINCANGAN**

Berdasarkan kepada hasil analisis terhadap penulisan RPH bahasa Arab dalam kalangan guru pelatih ini menunjukkan kebanyakan guru pelatih masih kurang mempunyai persediaan dan perancangan yang rapi tentang penulisan RPH sebagai persediaan mereka melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, sudah sampai masanya guru pelatih bertindak melakukan perubahan sendiri supaya amalan menulis RPH menjadi satu kewajipan dan tanggungjawab dalam menyediakan pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Kita ingin sekali melihat guru pelatih mempunyai potensi yang tinggi dan mampu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan baik walaupun guru pelatih ini bukan daripada bidang opsyen mereka.

Bagi membincangkan isu penulisan RPH seperti dalam dapatan, beberapa pandangan dibincangkan sepertimana yang berikut:

1. **Perubahan sendiri:** Sikap tidak memperdulikan akan kepentingan penulisan RPH menyebabkan kebanyakan guru pelatih tidak melakukan perancangan dan persediaan yang rapi dan tersusun. Pelbagai isu timbul akibat sikap sambil lewa yang ditunjukkan oleh guru pelatih seperti malas berfikir, tidak melakukan semakan beberapa kali bagi memastikan ketepatan idea, aktiviti dan kaedah yang sesuai, kesilapan ejaan dan istilah serta hasil pembelajaran yang tidak dapat dicapai. Alasan

tidak mahir menulis dan lemah dalam bahasa Arab perlu diatasi kerana ia dapat meninggalkan kesan yang tidak baik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Oleh itu, guru pelatih perlu memandang berat tentang kepentingan penulisan RPH ketika mereka menjalani latihan dan kursus di dalam bidang perguruan lagi. Mereka perlu mempunyai intensif diri seperti mencari peluang dan menceburkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan kompetensi diri menulis RPH bahasa Arab.

- 2. Persediaan dan Perancangan yang Rapi:** Guru pelatih perlu mempunyai persediaan yang rapi untuk menulis ayat-ayat di dalam bahasa Arab ketika menulis aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Mereka perlu mempersiapkan diri dengan ilmu asas bahasa Arab yang kukuh dengan cara mengulangkaji terlebih dahulu perkara-perkara yang berkaitan dengan pembinaan ayat, bertanya dan berbincang dengan pensyarah dan melakukan semakan terhadap ayat yang dibina berulang kali. Tidak dinafikan sekiranya guru pelatih tidak melakukan persediaan-persediaan tersebut, sudah pastimereka akan menghasilkan ayat-ayat bahasa Arab yang salah dari aspek tata bahasa dan lain-lain. Sepatutnya guru pelatih berperanan melakukan persediaan agar penulisan ayat bahasa Arab menjadi lebih baik dan tepat sekaligus mewujudkan perasaan seronok dan suka terhadap hasil penulisan nya.

Dari aspek perancangan pula, guru pelatih hendaklah serius memikirkan perancangan perancangan yang rapi dan tersusun supaya dapat membantu guru melaksanakan proses PdP dengan lebih seronok dan berkesan. Guru perlu mencabar diri mereka untuk melakukan sesuatu aktiviti yang luar biasa atau yang memberi kepuasan kepada diri. Maslow (1970) telah menyatakan realisasi-diri atau hasrat ingin menjadi diri yang kita idam-idamkan adalah sumber kepuasan yang paling tinggi. Setiap orang boleh menikmati kepuasan itu kerana kita cuma perlu mencapai apa yang kita sendiri mahu. Jadi, realisasi-diri ialah usaha mencapai apa yang terbaik yang mampu kita capai. Di sinilah pentingnya guru pelatih meningkatkan potensi diri dan intelektual diri seperti melihat contoh-contoh penulisan RPH dan perancangan pengajaran bahasa Arab yang berkesan di samping membaca bahan-bahan ilmiah atau mengetahui hal-hal berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang terkini. Dengan cara ini akan dapat meningkatkan lagi kompetensi guru pelatih terutama dalam melakukan perancangan pengajaran yang efektif.

- 3. Kosa Kata dan Kemahiran-kemahiran Bahasa Arab:** Tahap penguasaan yang rendah terhadap kosa kata Arab serta kemahiran-kemahiran bahasa merupakan halangan kepada guru pelatih dalam penulisan RPH bahasa Arab. Hal ini dapat diatasi sekiranya guru pelatih mempunyai minat dan iltizam yang tinggi untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut. Dengan sifat ini, guru pelatih tanpa dipaksa akan terus belajar, mencari, menerokai, mendalami dan mempelajari ilmu bahasa Arab dengan lebih berkesan (Ismail Hj. Ibrahim & Mohd. Sahril Abdul Rahman, 1994). Di samping itu, dengan adanya usaha yang berterusan segala kelemahan yang dialami tersebut dapat diatasi dan dapatlah guru membina keyakinan diri dalam kemahiran menulis RPH bahasa Arab dan melakukan perancangan pengajaran dengan baik.

Kosa kata merupakan aset penting dalam kemahiran bahasa asing seperti bahasa Arab. Kemahiran menulis dalam bahasa Arab bergantung kepada penguasaan kosa kata yang baik. Mengikut Rosni Samah (2009), pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab pada hari ini kurang berjaya disebabkan guru kurang menguasai kosa kata. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab dengan baik, penguasaan kosa kata hendaklah diutamakan.

4. **Penyediaan Bahan Bantu Mengajar yang Sesuai:** Penyediaan Bahan Bantu Mengajar yang jelas, menarik dan sesuai adalah kunci kepada keberkesanan pengajaran guru. Melalui BBM yang sempurna dan sesuai dapat membantu guru serta memudahkan guru kerana segala pengajaran dan aktiviti dapat disempurnakan dengan baik dan teratur. Ia juga membolehkan guru memotivasikan murid dalam proses pembelajaran sekaligus menarik minat mereka terhadap penyampaian guru. Maka tanggungjawab seorang guru adalah menyediakan BBM yang terbaik dan terancang.

Atan Long (1981) membahagikan BBM kepada tiga kumpulan, iaitu alat pendengaran, alat pandangan dan alat pandang dengar. Noraziah Abdul Hamid (1981) menggolongkan alat itu kepada dua kumpulan, iaitu media elektronik dan media bukan elektronik. Bagi Kamaruddin Hj Hussin (1997) pula, BB mini terbahagi kepada tiga peringkat :

- i. Bahan-bahan yang menggunakan media elektronik seperti filem pelajaran, filem jalur, slaid, pita, video, pita rakaman dan lain-lain.
- ii. Bahan-bahan yang tidak menggunakan media elektronik seperti suara, gambar, carta, model, bahan maujud, surat khabar, kad imbasan dan lain-lain.
- iii. Bahan-bahan yang bercorak pengalaman seperti lakonan, pantomin, lawatan, projek pameran dan bahan-bahan dari alam sekitar.

Oleh itu, penyediaan BBM yang pelbagai dan sempurna amat penting untuk melancarkan penyampaian pengajaran guru malah murid mudah mengikuti pengajaran guru dan tertarik terhadap apa yang disampaikan oleh guru.

5. **Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT):** Kemahiran berfikir aras tinggi merupakan satu elemen utama dan sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ia membolehkan pelajar mendapat latihan berfikir secara kritis dan kreatif serta dapat menghasilkan suatu inovasi yang membantu mereka membuat keputusan mahupun menyelesaikan sesuatu masalah dengan bijak. Mereka juga akan lebih terkehadapan dan bersikap terbuka dalam menerima dan memberi pendapat, membina keyakinan diri untuk memberi hujah, membuat pertimbangan berdasarkan alasan dan bukti serta berani memberi pandangan dan kritikan yang bernas terhadap sesuatu isu yang dikeluarkan (Mohd Izzuddin, Mohd Faez.et, 2016). Oleh itu, bagi mencapai hasrat tersebut, guru pelatih perlu bersedia serta memainkan peranan khususnya perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran serta amalan-amalan baru pengajaran dan pembelajaran yang relevan dengan perkembangan dan keperluan abad ke-21, kemahiran berfikir yang merentas semua disiplin ilmu dalam kalangan murid perlu diberi keutamaan.

## KESIMPULAN

Bagi menjamin kualiti penulisan Rancangan Pengajaran Harian bahasa Arab, guru pelatih perlu mempunyai persediaan dan perancangan yang rapi dan tersusun termasuklah persediaan minda terhadap pengajaran bahasa Arab. Guru pelatih digalakkan menguasai kompetensi dalam beberapa aspek seperti ilmu asas sebagai seorang guru, ilmu asas tatabahasa Arab yang mantap, menguasai keseluruhan kandungan mata pelajaran bahasa Arab, melaksanakan kaedah pengajaran yang berkesan dan afektif sesuai dengan keperluan pendidikan masa kini serta menerapkan nilai-nilai murni dan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pelaksanaan pengajarannya. Guru pelatih juga perlu menunjukkan kesediaan terhadap cabaran-cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran di samping keupayaan untuk meningkatkan kesan berterusan di dalam proses pembelajaran dan perkembangan pelajar dengan membina dan mengekalkan kesudahan positif di dalam pencapaian akademik mereka. Penyediaan RPH banyak manfaatnya terutama dalam membantu para guru pelatih membina serta menulis RPH dan elemen-elemen yang berkaitan dengan betul di samping membantu guru melaksanakan pengajaran dengan lebih berkesan.

## RUJUKAN

- Atan Long (1980). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Ismail Hj Ibrahim & Mohd Sahril Abdul Rahman (1994). *ILMU Dan Kecemerlangan Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM
- Maslow, A. H. (1970). *Motivation and personality*. New York: Harper & Row.
- Mohd Ali Hassan. (2004), Utusan Online.
- Mohd Izzuddin, Mohd Faez, et.al. (2016). *Dinamika Guru*. Kajang : KUIS
- Noraziah Abdul Hamid (1981). *Alatan Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa*. Kertas Kerja Seminar Perguruan. Jurnal Universiti Malaya: 28-30 Dis 1981 : 2-11
- Rosni Samah (2009). *Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Nilai : USIM.
- Kamaruddin Hj Husin. (1997). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi, et.al. (2015). *Strategi Implementasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Mohd Salleh. (2008). *Pengajian Agama Islam & J-QAF : Metodologi Dan Pedagogi Pendidikan Untuk KPLI*. Shah Alam, Selangor : Oxford Fajar.
- Sini Mahmud Ismail (1980). *Wasa'il Tadrib Mu'allimi Al-Lughah Al-Arabiyyah Wa Tatwiriha, Dlm Mahmud Ismail Sini Dan Ali Muhammad Al-Qasimi* (Pnyt), al-Sijill al-'ilm li al-nadwah al-'alamiyyah al-'ula lita'lim al-'arabiyyah li ghayr al-natiqinabiha, h.7-27. Riyadh, Saudi Arabia: Matabi' Jami'ah al-Riyadh.